

## **APLIKASI KECERDASAN BUATAN DAN KEPERLUAN INOVASI DALAM ASPEK PERUNDANGAN JENAYAH SYARIAH**

### **Application of Artificial Intelligence and the Necessary for Innovations in Islamic Criminal Law**

AZIZAH MAT RASHID

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
azizahrashid@kuis.edu.my

NOR'ADHA ABDUL HAMID

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
noradha@kuis.edu.my

MOHD FAROK BIN MAT NOR

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
mohdfarok@kuis.edu.my

MOHD FAROK BIN MAT NOR

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
mohdfarok@kuis.edu.my

ADILAH MAZLAN

Adilah.mazlan97@gmail.com

### **Abstract**

Artificial Intelligence (AI) is one of the ultimate achievements of science and technology which can automatically perform human's duties easily and swiftly. COVID-19 pandemic which restricting human's daily activities and duties sparking a variety of innovative ideas in artificial intelligence application so that the life quality is not affected and can be optimised. Though the application of artificial intelligence benefits a lot, there are still few disadvantages that may cause harm to Maqasid Shariah if the application of intelligence is not effectively controlled by rules and regulations. Therefore, this paper discusses the importance of AI and how Islamic law to be improved along with the empowerment of enforcement aspect. This paper focuses on three main objectives namely to explain the importance of the application of AI in daily life, secondly, to study the challenges and the problems of AI application and thirdly to recommend the improvements in Syariah Criminal Law Provisions as well as in enforcement aspect in facing AI challenges. The writing of this paper is based on a qualitative study whereby the data was fully collected using content analysis and inductively analysed to construct the descriptive findings. The research found that there is no Syariah Law provision on the Syariah Criminal offences committed by using artificial intelligence applications. Thus, this paper suggests improvements to be made in Syariah Criminal Law Provisions as well as in the enforcement aspect in facing artificial intelligence challenges. The improvements in both aspects are important hence, Syariah Criminal Law are not judged to be obsolete.

Keywords: Artificial Intelligence, Syariah Criminal Law, Innovation, Technology

## Abstrak

Aplikasi kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence*) merupakan satu pencapaian sains dan teknologi yang sangat tinggi serta dapat mengautomasikan peranan manusia dengan mudah dan pantas. Pandemik COVID-19 yang membataskan pelbagai aktiviti dan peranan manusia dalam aktiviti harian tentunya turut mencetuskan kepelbagaian idea dalam menginovasikan aplikasi kecerdasan buatan agar kualiti kehidupan tidak terjejas dan dapat dioptimumkan. Walaupun aplikasi kecerdasan buatan ini memberi banyak manfaat dan kebaikan, namun penggunaan aplikasi ini juga boleh mendatangkan kemudharatan dan menjelaskan kepentingan memelihara maqasid Syariah jika penggunaanya tidak dikawal oleh satu peraturan dan undang-undang yang berkesan. Justeru, penulisan ini membincangkan tentang kepentingan kecerdasan buatan dan bagaimana perundangan Syariah perlu ditambah baik serta diperkasakan penguatkuasaannya agar kekal mantap menghadapi cabaran inovasi dan perkembangan teknologi terkini. Penulisan ini mensasarkan tiga objektif utama iaitu pertama, menjelaskan tentang kepentingan aplikasi kecerdasan buatan dalam kehidupan, kedua mengkaji cabaran dan permasalahan semasa aplikasi kecerdasan buatan dan ketiga mencadangkan penambahbaikan dari aspek peruntukan undang-undang jenayah Syariah dan penguatkuasaan dalam mendepani cabaran aplikasi kecerdasan buatan. Penulisan ini berdasarkan kajian berbentuk kualitatif di mana data-data diperolehi sepenuhnya berdasarkan analisis kandungan dan dianalisis secara induktif bagi menghasilkan dapatan berbentuk deskriptif. Kajian mendapat, setakat ini tiada peruntukan undang-undang jenayah Syariah berkaitan kesalahan jenayah Syariah yang dilakukan menggunakan aplikasi kecerdasan buatan dan penulisan ini mencadangkan penambahbaikan dari aspek perundangan jenayah Syariah serta pemerkasaan dari aspek penguatkuasaan dilakukan bagi mendepani pelbagai cabaran aplikasi kecerdasan buatan. Penambahbaikan terhadap kedua-dua aspek ini perlu dilakukan agar undang-undang Islam tidak dilihat lapuk dan ketinggalan.

Kata kunci: Kecerdasan Buatan, Undang-Undang Jenayah Syariah, Inovasi, Teknologi

### 1.0 PENGENALAN

Kejayaan aplikasi kecerdasan buatan membuktikan teknologi berupaya menggantikan tugas-tugas manusia mengikut apa yang diprogramkan dan diperlukan. Hal ini tentunya dapat memberi banyak manfaat kepada manusia kerana ia bukan sahaja dapat memudahkan urusan, tetapi dapat menjimatkan masa dan tenaga. Pendamik COVID-19 yang melanda dunia telah memberi kesan yang amat besar kepada pelbagai sektor seperti ekonomi, pentadbiran, pendidikan, sosial, perundangan dan sebagainya. Ini kerana banyak aktiviti dan pengurusan dalam hal-hal berkaitan terpaksa dihadkan. Dalam sesetengah hal yang mana tugas atau aktiviti ini dapat digantikan melalui aplikasi kecerdasan buatan, maka penggunaannya menjadi satu kelebihan kerana urusan atau pengurusan sesuatu perkara masih boleh diteruskan.

Menurut Nur Mohd Iqzuan Samsudin et al. (2021), keupayaan aplikasi kecerdasan buatan untuk seolah-olah meniru cara manusia berfikir dilihat, bagi sesetengah pakar, adalah menggerunkan, dan ada pula yang melihatnya sebagai peluang untuk terus maju ke hadapan. Dalam hal ini penulis berpandangan, baik atau buruk kesan perkembangan teknologi automasi ini adalah bergantung kepada bagaimana dan sejauh mana ia dimanfaatkan.

Dalam konteks kehakiman, terdapat cadangan supaya teknologi ini digunakan untuk membantu Hakim dan Majistret membuat analisa hukuman yang sesuai sebelum menjatuhkan

hukuman kepada tertuduh. Memetik pandangan Hakim Besar Sabah dan Sarawak, Tan Sri David Wong Dak Wah, AI boleh membantu mengurangkan jurang hukuman dan memastikan kesamarataan serta konsistensi di dalam hukuman yang diberikan kepada tertuduh (Utusan Borneo Online, 2020). Walau bagaimanapun, cadangan aplikasi ini masih memerlukan kepada kajian yang lebih lanjut kerana dalam menjatuhkan hukuman ke atas sesuatu kesalahan, elemen kemanusian masih perlu menjadi keutamaan. Ini kerana urusan dan tugas berkaitan kehakiman mempunyai perkaitan dan kesan kepada keadilan.

Perlu diambil perhatian bahawa sejauh mana sekalipun teknologi berkembangan dan memberi sumbangan kepada manusia, namun Islam meletakkan asas dan prinsip maqasid Syariah perlu menjadi dasar dan pertimbangan dalam setiap apa jua keadaan.

## **2.0 PERMASALAHAN KAJIAN**

Penggunaan teknologi berasaskan aplikasi kecerdasan buatan yang dapat mengatomasikan tugas-tugas dan aktiviti manusia telah diterima secara positif oleh masyarakat. Sungguhpun aplikasi kecerdasan buatan banyak memudahkan urusan manusia dan memberi manfaat yang besar, namun revolusi aplikasi kecerdasan buatan ini juga boleh memberi implikasi negatif jika tidak dikawal dan penggunaannya menyalahi syarak dan undang-undang. Beberapa perkara dari aspek etika juga perlu diberi perhatian sewajarnya agar kelak ia tidak didakwa menjadi ancaman atau punca kepada kerosakan akhlak atau budaya. Menurut Aliff Nawi (2019), perkembangan dalam bidang AI yang tidak terkawal boleh mengakibatkan kepupusan tamadun manusia. Justeru, kerjasama dan gabungan kolektif antara disiplin termasuklah ahli saintis, jurutera, undang-undang, ahli falsafah, ekonomi dan agama juga penting untuk menangani impak dan risiko AI terhadap masyarakat. Penggunaan AI yang tidak terkawal boleh menyumbang kepada kesalahan jenayah Syariah khusunya kesalahan moral, namun persoalannya, sejauh mana peruntukan undang-undang sedia ada boleh digunakan untuk mengekang permasalahan tersebut? Maka kajian ini perlu dilakukan bagi mengkaji cabaran dan permasalahan dalam penguatkuasaan undang-undang jenayah Syariah seterusnya mencadangkan penambahbaikan ke arah memperkasakan undang-undang dan penguatkuasaan.

## **3.0 METODOLOGI**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif di mana data-data diperolehi secara analisis kandungan. Beberapa rujukan terhadap penulisan dalam jurnal, buku dan dokumen undang-undang dirujuk seterusnya dianalisis secara kritis dan induktif sebagai satu dapatan dalam bentuk deskriptif.

## **4.0 APLIKASI KECERDASAN BUATAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

Islam tidak pernah menghalang penglibatan manusia dalam bidang teknologi apatah lagi memanfaatkannya. Justeru, Islam tidak pernah melarang umatnya untuk mempelajari sains dan teknologi, seterusnya mencipta inovasi atau membuat revolusi industri. Namun, setiap perkara yang dilakukan hendaklah mempunyai batasannya. Allah SWT memberi peringatan bahawa boleh berlaku pelbagai kerosakan akibat perbuatan manusia melalui firmanNya yang bermaksud:

*...timbul berbagai kerosakan dan bala bencana yang dilakukan oleh tangan manusia: (timbulnya yang demikian) kerana Allah SWT hendak merasakan mereka sebahagian dari*

*balasan perbuatan buruk yang mereka lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).*

Surah Rum, ayat 30: 41

Memandangkan penggunaan teknologi juga terdedah kepada risiko dan cabaran yang boleh mengancam kepentingan maqasid Syariah, maka setiap pencapaian atau penghasilan sesuatu aplikasi automasi yang diragui statusnya perlu dirujuk kepada al-Quran dan Sunnah. Dalam konteks pentadbiran Hal Ehwal Islam di Malaysia, Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bahagian Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) berperanan menimbang, memutus dan mengeluarkan fatwa terhadap perkara-perkara mengenai sesuatu perkara yang dirujuk. Walau bagaimanapun, keputusan yang dikeluarkan tidak akan mengikat negeri-negeri melainkan setelah diterima dan diselaraskan prosedur pengeluaran fatwa di peringkat negeri melalui peruntukan undang-undang berkaitan fatwa.

Dalam memutuskan sesuatu hukum, segala keraguan dirujuk kepada al-Quran dan sunah yang berdasarkan dalil naqli dan aqli (Ibrahim et al. 2018). Umat Islam yang sejati akan menjadikan al-Quran dan hadis sebagai panduan untuk memacu teknologi ke arah yang komprehensif dan lebih teratur demi mewujudkan masyarakat Islam majmuk yang lebih berkualiti dan berinovasi berteraskan keilmuan Islam. (Nairozle et. Al, 2018). Allah SWT menyeru manusia supaya mengkaji dan meneliti alam untuk memahami dan mendalami ilmu supaya dapat membangunkan suatu tamadun yang berkualiti melalui firmanNya yang bermaksud:

*'Tidakkah kamu perhatikan bahawa Allah memudahkan untuk kemudahanmu apa yang ada dilangit dan di bumi, dan memudahkan untuk kemudahan kamu apa yang ada dilangit dan apa yang ada di bumi, dan melimpahkan kepada kamu nikmat-Nya yang zahir dan batin.*

(Surah al-Luqman, 31: 20)

Terdapat beberapa dalil dalam al-Quran yang menceritakan tentang kejadian manusia seperti firman Allah yang bermaksud:

*'Dan Dialah Tuhan yang menciptakan manusia dari air, lalu dijadikannya (mempunyai) keturunan dan kemusaharah dan Tuhanmu adalah Maha Kuasa sememangnya Tuhanmu berkuasa (menciptakan apa jua yang dikehendaki-Nya).*

(Surah al-Furqan, 25: 54)

Penjelasan secara terperinci dapat dilihat dalam firman Allah yang bermaksud:

*Dan sesunguhnya Kami menciptakan manusia dari "pati" (yang berasal) dari tanah; kemudian Kami jadikan pati itu (setitis) air mani pada penetapan yang kukuh; kemudian Kami ciptakan air mani itu menjadi segumpal darah beku lalu Kami ciptakan darah beku itu menjadi seketul daging; kemudian Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang; kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Selah sempurna kejadian itu Kami bentuk ia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya. Maka nyatakanlah kelebihan dan ketinggian Allah SWT sebaik-baik Pencipta.*

(Surah al-Mu'minun 23: 12-14)

Ayat ini membuktikan al-Quran menjadi sumber asas yang benar dalam sains kemanusiaan dan hal ini telah dibuktikan melalui pencapaian sains dan teknologi masa kini dalam bidang berkaitan. Melalui aplikasi teknologi automasi atau kecerdasan buatan masa kini, bagaimana

bentuk dan kejadian manusia atau embrio dalam kandungan dapat diemekan dengan jelas dan hal ini secara tidak langsung membuktikan kebenaran apa yang dikisahkan dalam al-Quran. Rasulullah SAW turut mengaplikasikan pelbagai pendekatan yang wujud pada zaman baginda bagi memudahkan penyampaian ilmu kepada para sahabat. Baginda SAW berkomunikasi dengan umatnya berdasarkan kemampuan akal fikiran mereka dan berdasarkan keadaan serta mengikut kesesuaian. (Syed Hassan, 2016).

Berdasarkan dalil-dalil ini, jelas Islam mengiktiraf penggunaan dan pencapaian teknologi selagi ia memberi manfaat dan tidak bercanggah dengan syariat Islam. Umat Islam khususnya perlu berhati-hati dan berwaspada dengan kepintaran teknologi kerana mungkin sesetengah kecanggihan teknologi yang dihasilkan tidak sesuai digunakan kerana ia bertentangan dengan fitrah dan hukum syarak.

Dalam hal ini, penulis ingin merujuk kepada satu contoh penggunaan aplikasi *FaceApp*. Ia merupakan satu aplikasi telefon pintar yang mempunyai fungsi khusus berkaitan suntingan foto. Elemen kecerdasan buatan dan pelbagai pilihan tetapan yang wujud pada aplikasi ini menjadikan ia satu pilihan dikalangan para pengguna. Biarpun pilihan suntingan foto kepada jantina berlawanan, usia yang lebih muda atau lebih tua menjadi satu hiburan kepada pengguna, namun kebanyakannya pihak berpandangan penggunaan aplikasi tersebut sebagai haram mengambil kira prinsip sad al-zarai' iaitu menutup pintu kerosakan daripada berlaku. Contohnya, suntingan wajah dengan jantina yang berlawanan boleh menggalakkan amalan transgender kerana terdapat sesetengah golongan transgender telah menjadikan aplikasi ini sebagai satu simulasi sebelum mereka melakukan pembedahan untuk mengubah wajah mereka. Selain itu, perbuatan ini boleh menjatuhkan aib dan maruah seseorang. Manakala bagi pengubahan foto wajah kepada lebih tua atau muda, alasan yang diberikan adalah kemungkinan foto itu digunakan untuk mengelirukan identiti seseorang kepada masyarakat umum.

Larangan mengubah fitrah dan ciptaan Allah SWT selari dengan firmanNya yang bermaksud:

*Tetaplah atas fitrah Allah yang telah menciptakan manusia atas fitrah itu, tidaklah patut ada sebarang perubahan pada penciptaan (fitrah) Allah itu.*

Surah al-Rum (30)

Oleh itu, Mengubah wajah menggunakan aplikasi *FaceApp* menyerupai Tindakan mempersendakan firman Allah SWT yang melarang hamba-Nya mengubah fitrah ciptaan asal. (<https://muftiwp.gov.my>)

Mengubah wajah daripada jantina asal kepada jantina berlainan pula menyamai hukum *tasyabbuh* di mana perbuatan tersebut adalah haram bahkan merupakan salah satu dosa besar kerana Allah SWT melaknat orang yang melakukannya melalui sabda baginda SAW yang bermaksud:

'Nabi SAW telah melaknat lelaki yang menyerupai perempuan dan orang-orang perempuan yang menyerupai lelaki'

Walaupun perbuatan tersebut hanya melibatkan gambar tanpa melibatkan perubahan fizikal secara langsung, ia adalah dilarang. Allah SWT turut melarang perbuatan mencela diri (mengaibkan) sebagaimana FirmanNya yang bermaksud:

Maksudnya: *dan janganlah sesetengah kamu menyatakan celaan (keibaikan) setengahnya yang lain.*

Surah al-Hujurat (11)

Seterusnya, perbuatan berkongsi dan menyebarkan foto wajah yang telah ditukar jantina untuk tatapan umum telah menimbulkan kekeliruan identiti sebenar dan boleh memberi kesan kepada mereka yang melihat. Hal ini boleh mengundang tohmahan daripada masyarakat sedangkan umat Islam perlu semampunya mengelakkan diri daripada sebarang bentuk fitnah (<https://muftiwp.gov.my>). Ini berdasarkan satu kaedah yang bermaksud:

*"Berhati-hatilah kalian dengan ruang-ruang tohmahan".*

Maka jelaslah, penggunaan aplikasi kecerdasan buatan yang bertentangan dengan prinsip dan ajaran Islam perlu ditolak sekalipun ia bagi tujuan hiburan kerana Islam meletakkan keutamaan dalam melindungi maqasid Syariah dan menolak segala perbuatan yang tidak selari dengan syariat demi maslahah dan kepentingan umatnya.

## **5.0 APLIKASI AI: CABARAN DAN PERMASALAHAN PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG DAN PENGUATKUASAAN**

Kecanggihan teknologi dan kepentasan aplikasi kecerdasan buatan merupakan satu bukti kehebatan Allah SWT dalam penciptaan akal manusia. Di sebalik kehebatan ciptaan itu, ia juga dapat membuktikan kebesaran Allah SWT dalam menghendaki sesuatu yang berlaku dengan sekilip mata tanpa memerlukan apa-apa daya dan usaha berbanding manusia. Sebagai hamba, umat manusia perlu menerima hakikat bahawa sehebat mana sekalipun kemampuan kita untuk mencipta dan mengaplikasikan sesuatu teknologi, tetapi kita perlu meyakini bahawa Allah SWT adalah sebenar-benar pencipta yang Maha Hebat mengilhamkan dan merealisasikan sesuatu aplikasi yang dihasilkan.

### **5.1 Cabaran dan Permasalahan dari Aspek Perundangan**

Allah SWT telah menyediakan prinsip dan panduan dalam mengaplikasikan sains dan teknologi. Maka panduan itu perlu dipatuhi selari dengan apa yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, sebagaimana pandangan Yusuf al-Qardhawi, masyarakat memerlukan undang-undang bagi mengatur kehidupannya kerana hati dan dorongan jiwa tidak mampu menjamin keselamatan dan kesejahteraan masyarakat (Mohamad Zaini dan Yahaya, 2012). Dalam konteks etika penggunaan media sosial, penularan gambar disunting perlu dibimbangi kerana ia boleh mengancam masyarakat (Berita Harian Online, 2019). Justeru, perkembangan AI perlu diawasi kerana dibimbangi boleh membawa fitnah dan kemudaratkan kepada manusia.

Dalam konteks perundangan jenayah syariah di Malaysia, terdapat beberapa peruntukan undang-undang berkaitan kesalahan tatasusila atau kesalahan moral. Walau bagaimanapun peruntukan-peruntukan kesalahan dalam undang-undang jenayah syariah sedia ada tidak meliputi kesalahan yang dilakukan menggunakan aplikasi AI. Hal ini menjadi satu cabaran kepada penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah di Malaysia kerana perkembangan teknologi yang pantas bukan sahaja memberi manfaat kepada manusia tetapi turut memberi kesan kepada perundangan syariah. Sebagai contoh, Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 memperuntukkan kesalahan lelaki menyerupai wanita seperti berikut:

Seksyen 30. Lelaki Berlagak seperti Perempuan.

Mana-mana lelaki yang memakai pakaian perempuan atau berlagak seperti perempuan di mana-mana tempat awam untuk tujuan yang tidak bermoral adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Berdasarkan peruntukan di atas, seorang lelaki hanya boleh dituduh melakukan kesalahan menyerupai perempuan jika memakai pakaian perempuan atau berlagak seperti perempuan di mana-mana tempat awam dan mempunyai niat untuk tujuan yang tidak bermoral. Walau bagaimanapun, dengan perkembangan teknologi semasa, peruntukan sedia ada tidak memadai untuk merangkumi perbuatan menyerupai wanita yang berlaku di media sosial dan dilakukan dengan menggunakan aplikasi AI. Terdapat pandangan mengatakan perbuatan tersebut tetap dilarang walaupun hanya menggunakan aplikasi. Jadi, dengan peruntukan sedia ada, bagaimanakah seorang lelaki yang menukar identiti jantinanya menggunakan aplikasi *FaceApp* boleh dikenakan tindakan undang-undang?

Melalui aplikasi AI juga, seseorang boleh mengubah rupa paras asal kepada pelbagai bentuk wajah mengikut pilihan yang disediakan dalam sesuatu aplikasi. Memandangkan sesetengah daripada perbuatan ini menyamai perbuatan mengubah ciptaan Allah sebagaimana dibincangkan sebelum ini seperti mengubah wajah tua kepada wajah muda dan sebaliknya, maka bagaimana tindakan undang-undang boleh diambil terhadap perlakuan ini kerana undang-undang sedia ada tidak mempunyai peruntukan undang-undang bagi perbuatan sedemikian.

Hal seperti inilah dilihat menjadi satu cabaran besar kepada pelaksanaan undang-undang kerana undang-undang sedia ada jauh ketinggalan berbanding pencapaian teknologi yang sangat pantas dengan pelbagai inovasi. Pindaan sesuatu peruntukan undang-undang mengambil masa yang agak lama sedangkan perkembangan teknologi menyumbang kepada pelbagai perubahan dalam tempoh yang sangat singkat.

## 5.2 Cabaran Penguatkuasaan

Perkembangan undang-undang syariah yang tidak seiring dengan perkembangan teknologi menyebabkan beberapa kesalahan jenayah syariah tidak dapat dikuatkuasakan.

Firman Allah SWT:

*“Wahai orang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidiki kebenarannya, supaya kamu tidak menimpa suatu musibah kepada kaum dengan sebab kejahilan kamu sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu lakukan.”*

(Al-Hujuraat: 6)

Berdasarkan ayat di atas, pihak penguatkuasa agama berhak untuk membuat siasatan terhadap sesuatu dakwaan. Walau bagaimanapun, memandangkan bidangkuasa perundangan Syariah terletak di bawah bidangkuasa negeri dan kesalahan yang berlaku dapat diakses, dilihat dan bersifat merentasi sempadan, maka penguatkuasa agama manakah yang perlu bertindak? Inilah antara bentuk cabaran yang dihadapi dalam perundangan Syariah.

Tidak dinafikan, menurut bidang kuasa perundangan semasa, kesalahan yang melibatkan salah guna media sosial boleh diambil tindakan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia

(AKM) 1998. Walau bagaimanapun, tidak semua kesalahan jenayah Syariah mempunyai elemen kesalahan yang sama dengan kesalahan yang diperuntukkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998 bagi membolehkan penguatkuasaan dilakukan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

Kajian Zawiyah M. Yusof (2017) mendapati berlaku perubahan dalam pengurangan dari segi etika ketika menggunakan media sosial. Terbukti bahawa media sosial ini menjadi satu ancaman jenayah siber jika adab dan etika diketepikan. Justeru, undang-undang jenayah Syariah sedia ada perlu dimantapkan dan diperkemaskan bagi membolehkan undang-undang jenayah Syariah dapat berperanan dengan efektif dalam mengekang kesalahan jenayah Syariah yang berlaku menggunakan aplikasi teknologi

Selain daripada itu, cabaran penguatkuasaan juga dapat dilihat dari aspek kemahiran. Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) perlu terlatih dan mempunyai kemahiran dalam melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan supaya tidak timbul fitnah dan tohmahan dalam membanteras maksiat. Statistik kes kesalahan syariah menunjukkan masyarakat lebih cenderung melakukan kesalahan yang melibatkan moral dan akhlak. Usaha-usaha memartabatkan undang-undang jenayah syariah melalui tindakan penguatkuasaan perlu dipertingkatkan. (Zurul Iman Bin Zakaria dan Zaini Bin Nasoha, 2019) Selari dengan saranan ini, penguatkuasa agama perlu dibekalkan dengan pengetahuan dan kemahiran penggunaan teknologi yang tinggi sesuai dengan perkembangan semasa.

## **6.0 KEPERLUAN TERHADAP INOVASI UNDANG-UNDANG JENAYAH SYARIAH DAN PENGUATKUASAAN**

Kecerdasan buatan perlu dilihat sebagai satu pencapaian besar dalam perkembangan sains dan teknologi. Ia memberi sumbangan yang besar jika dapat dimanfaatkan dengan cara yang betul dalam kehidupan. Walau bagaimanapun, kita juga perlu menerima hakikat bahawa ia mempunyai kesan negatif dan memberi impak yang besar kepada kerosakan akhlak jika disalah gunakan dan dibiarkan tanpa kawalan. Masyarakat yang berakhhlak mulia dan terpuji akan membentuk tamadun yang cemerlang. Jika rosak akhlak sesebuah masyarakat, maka rosaklah tamadun sesebuah masyarakat tersebut. Bagi memelihara masyarakat yang bertamadun, maka undang-undang yang berfungsi sebagai pengawal akhlak dan tingkah laku masyarakat perlu sentiasa disemak dan dipastikan kesesuaianya pada setiap masa bagi tujuan penguatkuasaan.

Bagi tujuan memastikan undang-undang jenayah syariah dapat terus berperanan melindungi maqasid Syariah dan mengawal perlakuan masyarakat seiring dengan perkembangan teknologi, penulisan ini mencadangkan inovasi dilakukan dilakukan secara serius dalam memerkasakan perundungan Syariah bagi membolehkan apa jua bentuk kesalahan yang melibatkan penggunaan aplikasi teknologi dapat dikuatkuasakan. Walau bagaimanapun, kajian lanjut perlu dilakukan bagi melihat bagaimana pelaksanaan itu boleh dilakukan kerana berdasarkan peruntukan dan had bidang kuasa sedia ada, penguatkuasaan terhadap kesalahan yang berlaku di media sosial perlu melibatkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM).

Selain itu, penulisan ini juga turut mencadangkan beberapa usaha dilakukan di peringkat penguatkuasaan sebagai inovasi ke arah memperkasakan bahagian penguatkuasaan undang-undang jenayah Syariah seperti pendedahan tentang sains forensik, pemerkasaan dari aspek penguasaan ilmu berkaitan teknologi dalam hal-hal berkaitan penyiasatan dan penyediaan

kelengkapan atau peralatan yang terkini serta sesuai digunakan bagi tujuan menjalankan siasatan. Perlu disedari bahawa *modus operandi* jenayah Syariah yang berlaku pada hari ini turut mengalami perubahan. Sesetengah kesalahan seperti berkelakuan tidak sopan tidak lagi berlaku di tempat awam tetapi boleh berlaku melalui aplikasi teknologi dan disebarluaskan di platform media sosial.

Kedua-dua cadangan ini perlu diperincikan dalam satu kajian khusus kerana terdapat beberapa perkara yang perlu diteliti dan diperhalusi sebelum direalisasikan. Justeru, penulis juga berpandangan bagi merealisasikan cadangan ini, ia memerlukan kerjasama dan komitmen daripada pelbagai pihak terutamnya kehendak politik (*political will*).

## **7.0 KESIMPULAN**

Penulisan ini merumuskan bahawa Islam menggalakkan umatnya menuntut ilmu yang bermanfaat kerana ilmu tersebut dapat menyumbang kepada kemajuan bangsa. Ilmu yang bermanfaat bukan sahaja boleh menghasilkan pelbagai inovasi yang dapat memanfaatkan manusia tetapi kepada seluruh alam secara amnya. Dalam era IR.4 yang sedang dialami ini, pelbagai pencapaian teknologi automasi dihasilkan dan segalanya telah menjadikan urusan kehidupan manusia yang kompleks lebih mudah dan pantas. Keadaan ini menjadikan manusia dapat mengoptimumkan penggunaan masa dengan lebih bermanfaat.

Islam telah menyediakan pelbagai prinsip yang boleh dijadikan asas dalam penggunaan teknologi agar penggunaanya selari dengan fitrah dan syariat yang telah ditentukan. Prinsip-prinsip ini perlu dipatuhi agar manusia tidak alpa dan tidak lupa bahawa di sebalik kecerdasan buatan yang dilhamkan, terdapat kuasa yang lebih besar yang memiliki segala kekuasaan. Maka, apa jua kemampuan dan keupayaan yang boleh dilaksanakan melalui aplikasi kecerdasan buatan, sempadannya mestilah tidak melampaui kuasa Pencipta sebenar.

## **8.0 PENGHARGAAN**

Pihak penulis ingin menzahirkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak KUIS kerana membayai kajian ilmiah ini di bawah skim GPIK berkod (2020/GPIK-20/GP1- 19) untuk membantu penulis dan rakan-rakan dalam menyiapkan kajian ilmiah ini.

## **RUJUKAN**

- Abdul Hakim Bin Baharudin @ Ismail. (2020). Pandangan Hukum Penggunaan FaceApp: Satu Tinjauan Di Malaysia. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020) – Dalam Talian 24 & 25 November 2020, 278-286.
- Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998.
- Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995.
- <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/03/539871/penggunaan-teknologi-ai-dalam-islam-tertakluk-batas-garis-panduan>.
- <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/4550-irsyad-al-fatwa-siri-ke-524-hukum-mengubah-foto-wajah-menggunakan-faceapp>
- <https://www.mcmc.gov.my/ms/commons/print?printpath=/Media/Press-Releases/Salah-Guna-Media-Sosial-48-Kes-Didakwa-Di-Mahkamah&classname>.
- Ibrahim, Muhamad Izza, Nazri, Fadzren, Iqbal, Basiron dan Bushrah. (2018). Islam serta Pembentukan Sains dan Teknologi. Prosiding Seminar Tamadun Islam 2018 pada 17hb.

- Ogos 2018 di Bilik Kuliah 6, Blok N28, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, UTM, p. 1-12.
- Mohamad Zaini, Yahaya (terj), Yusuf Al-Qardhawi. (2012). *Ciri-ciri Unggul Masyarakat Islam yang Kita Idamkan*. Penerbitan Seribu Dinar.
- Nairozle, Muhammad Imran, Ibrahim, Muhammad Nur Arif, Jasmi, Kamarul Azmi. (2018). Sains-Teknologi dan Ilmu Agama Menurut Bahasa al-Quran dan Hadis. Prosiding Seminar Tamadun Islam pada 17hb. Ogos 2018 di Bilik Kuliah 6, Blok N28, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, UTM, 13-28.
- Nur Mohd Iqzuan, Samsudin, Asma Hakimah Ab. Halim dan Rasyikah Md. Khalid. (2021). Adakah Kecerdasan Buatan Boleh Berfungsi sebagai Penasihat Syariah? Analisis Peranannya dalam Sektor Pasaran Modal Islam. ISLĀMIYYĀT 43(Isu Khas), 3 – 15.
- Syed Hassan, Syed Najihuddin, Zakaria, Nidzamuddin, Ma, Yu, Goje, Kabiru, Said, Walid, 2016, Pembangunan Aplikasi Teknologi Dalam Memantapkan Pengajaran Dan Pembelajaran Hadis Pada Zaman Globalisasi, Conference: Seminar Warisan Nabawi (SWAN 2016) Fatoni University, Thailand, Volume: 5 m/s: 1-10.
- Zawiyah M. Yusof. (2017). Adab Mengguna Media Sosial. *Prosiding Seminar Antarabangsa Dakwah Kali Ke-3* (pp. 68-78). Selangor.
- Zurul Iman Bin Zakaria dan Zaini Bin Nasoha. (2019). Cabaran Pelaksanaan Penguatkuasaan Undang-Undang Jenayah Syariah Di Negeri Melaka. Malaysian Journal of Syariah and Law, VOL 7 No. 2, 13-26.